

Rancangan simpanan

» Jadikan menyimpan pada peringkat awal bekerja sebagai amalan

Siri 12 artikel ini akan membincangkan bagaimana perancangan kewangan boleh menjadi amalan seharian apabila kita mengharungi liku dan cabaran berlainan dalam kehidupan kita.

Memandangkan perancangan kewangan adalah satu bahagian penting semasa kita membesar, setiap orang tidak kira tua ataupun muda, harus mempunyai pengetahuan asas dalam ilmu kewangan.

Sebagai permulaan minggu diperkenalkan watak Adam, seorang pemuda biasa yang akan meniti alam sekolah sehingga ke alam berumah tangga dan bagaimana dia merancang perbelanjaannya.

Siri 1

Adam seorang pemuda budi-man yang berasal daripada keluarga sederhana yang terdiri daripada tiga adik-beradik. Bapanya seorang juruteknik di sebuah syarikat tempatan sementara ibunya pula mengajar di sekolah rendah.

Dia anak sulung dalam keluarganya, dengan seorang adik lelaki dan dua adik perempuan yang masih di bangku sekolah. Keluarganya bukanlah daripada kategori kaya tetapi mereka mempunyai semua keperluan asas hidup serta sedikit wang sampingan untuk dibelanjakan semasa percutian sekeluarga.

Adam dan adik-adiknya bukan selalu dapat menikmati permainan serta alatan terkini yang serba canggih, malah sering kali ditegur bapa dengan kata-kata "Bukan senang hendak mencari wang... Rezeki itu tidak jatuh dari langit."

Adam baru menamatkan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan sementara menunggu keputusannya, dia mencari kerja sambil. Dia berjaya mendapat kerja sebagai juruwang bank dan dibayar gaji RM800 sebulan.



Sebaik saja dia menerima gaji pertamanya, separuh daripada gajinya dimasukkannya ke dalam akaun banknya. Sebenarnya, tabiat menabung ini dipupuk oleh ayahnya sejak dia kecil lagi.

Ayahnya pernah berpesan pada dia dan adik-beradiknya untuk menabung sebaik saja mereka mula bekerja. Dengan gajinya yang selebihnya, sekali-sekala dia membawa keluarganya untuk keluar makan malam.

Mulai bulan kedua, Adam mula berfikir untuk merancang belanjawannya kerana sejak dia mula bekerja, dia tidak lagi menerima wang saku daripada ibu bapanya.

Dia tidak mahu terlalu bergantung pada ibu bapanya dan dia juga tidak mahu membazirkan wang yang diperolehinya dengan titik peluhnya sendiri kerana sekarang dia sudah mula sedar menilai wang. Jadi Adam telah menyediakan rajah belanjawan berikut:

Adam merasakan perbelanjaan makanan mencakup bahagian terbesar daripada perbelanjaannya lalu dia memperuntukkan RM10 setiap hari untuk belanja makanan (purata 25 hari kerja dalam sebulan). Ini hanya untuk makan tengah hari dan minum petang.

Dia bercadang bersarapan pagi dan makan malam di rumah kerana ini bukan saja menjimatkan belanja (sebab utama) malah juga lebih menyihatkan (sebab kedua).

Adam juga membeli kad perjalanan bulanan berbanding tiket harian kerana lebih murah sekiranya seseorang selalu menggunakan pengangkutan awam.

Dengan perbelanjaan hanya RM135 sebulan, dia dapat menikmati perjalanan dengan bas awam dan LRT. Adam juga memperun-

tukkan wang RM15 sekiranya dia perlu menggunakan teksi pada hari hujan.

Adam juga mengetepikan sehingga RM200 untuk dirinya bagi perbelanjaan pakaian dan hiburan, seperti menonton wayang di hujung minggu dan sekali-sekala

keluar bersama kawan dan keluarganya.

Sebagai seorang anak yang baik, dia memberikan wang sebanyak RM50 pada kepada kedua-dua ibu dan bapanya dan selebihnya sebanyak RM100 ditabungkan.

Adam bekerja bersungguh-sungguh tetapi dia menikmati setiap detik kerjanya sambil mempelajari selok-belok operasi perbankan. Dia banyak belajar tentang tanggung jawab dan sikap berhemat dalam kerja.

Dia teringat pesanan pengurusnya yang menasihati agar menjadikan sikap berhemat suatu sebagai amalan hidup, tidak kira berapa banyak pendapatan seseorang itu.

Selepas bekerja di bank selama enam bulan, Adam mendapat berita bahawa keputusan STPM akan diumumkan dan dia berasa gementar.

Adam memaklumkan kepada penyeliannya bahawa dia akan berhenti kerja tidak lama lagi kerana ingin

melanjutkan pelajarannya. Pengurusnya juga telah menawarkan untuk mengambil Adam bekerja secara tetap selepas dia memperoleh ijazah.

Sokongan ini membuat Adam berasa bangga dan kini lebih bertekad untuk belajar bersungguh-sungguh.

Sepanjang malam Adam berasa gelisah memikirkan keputusan STPM yang bakal diumumkan. Namun, selepas menatap buku tabungannya, dia tersenyum kerana berjaya menabung wang hampir RM1,000 sepanjang enam bulan dia bekerja. Adam terus terlena dengan buku simpanannya di dada.

(Bersambung pada siri seterusnya)

PENDAPATAN	PERBELANJAAN
Gaji RM800	Makanan RM250 Pengangkutan RM150 Pakaian & Hiburan RM200 Hadiah kepada Ibu Bapa RM100 Tabungan RM100
Jumlah RM800	Jumlah RM800

(Untuk kiraan mudah, kita membuat andaian bahawa tidak ada apa-apa potongan berkanun ditolak daripada gajinya)

